

AKHBAR : SUMBERKINI

TARIKH : 08 SEPTEMBER 2021

---

KERATAN AKHBAR

## **LUAS Tidak Kompromi Pencemaran Air Sungai Semenyih**



PETALING JAYA: Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) tidak akan berkompromi dan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang bertanggungjawab melakukan pencemaran air Sungai Semenyih selaras dengan Seksyen 79(1) (a) Enakmen LUAS (Pindaan) 2020.

Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih tiga tahun dan didenda tidak kurang daripada RM200,000 dan tidak melebihi RM1 juta.

Pada masa sama, LUAS giat menjalankan pemantauan statik dan pensampelan ujian bau di dua kawasan, iaitu di Jambatan Ladang Bukit Unggul dan Jambatan Kampung Rinching Hilir susulan insiden pencemaran bau di Sungai Semenyih baru baru ini.

“Empat sampel melibatkan tanah, aliran keluar minyak dari premis, air di hulu sungai dan air di pertemuan keluar Sungai Semenyih diambil untuk dianalisis,” katanya menerusi satu hantaran di Facebook.

Dalam pada itu, LUAS menegaskan pihaknya terus komited dalam melaksanakan pemantauan 24 jam di lembangan sungai dalam memastikan kelangsungan sumber air di Selangor terpelihara.